

PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA LABUAN: FUNGSI DAN POTENSI

*Ratnawati Hj. Osman & Salina Shamsuri**

PENDAHULUAN

Pada 16 April 1984, Pulau Labuan yang terletak lebih kurang 123 kilometer daripada Kota Kinabalu, telah diumumkan menjadi Wilayah Persekutuan dan pada 1 Oktober 1990 ianya telah diisytiharkan menjadi Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC). Dengan pengisytiharan ini, Kerajaan Malaysia berharap semoga ianya dapat menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di Malaysia dan dapat membangunkan Labuan sebagai satu pusat kewangan antarabangsa yang terkemuka di dunia. Rasional Labuan dipilih sebagai IOFC ialah kerana ia terletak di lokasi yang strategik iaitu di tengah kawasan perdagangan dan pasaran kewangan Asia-Pasifik dan mempunyai zon masa yang sama dengan Singapura dan Hong Kong.

APAKAH ITU PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA?

Pusat kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) ialah satu kawasan kecil atau bidang kuasa yang tidak mengenakan cukai atau mengenakan kadar cukai yang rendah keatas pendapatan, keuntungan, dividen dan faedah yang berpunca dari aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir antarabangsa oleh syarikat luar pesisir, dari atau dalam bidang kuasa tersebut (*Richard (1996)*). Dalam erti kata lain, ianya ialah sebuah kawasan perlindungan

* Ratnawati Hj. Osman & Salina Shamsuri ialah pensyarah di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah.

cukai. Kegiatan atau aktiviti-aktiviti luar pesisir yang dimaksudkan ialah seperti urusan bank, pengurusan dan pengawalan dana amanah, insurans dan pembiayaan korporat. IOFC juga mempunyai ciri-ciri yang dapat menarik para pelabur asing seperti berikut:-

- a) Ketiadaan kawalan pertukaran wang dan sekatan keatas pergerakan dana atau matawang asing, dari dan ke kawasan berkenaan.
- b) Mengawal kerahsiaan indentiti para pelanggan
- c) Sekatan ke atas pemeriksaan umum fail-fail dan dokumen-dokumen syarikat termasuk identiti pemegang saham atau pemilik dan pengurusan perniagaan berkenaan serta kedudukan kewangannya.

Untuk menjadikan sebuah IOFC yang berjaya, beberapa prasyarat diperlukan iaitu:-

- * Keadaan politik dan kerajaan yang stabil
- * Mata wang yang stabil dengan kawalan yang minima atau tiada kawalan pertukaran
- * Jaminan keatas kerahsiaan pelanggan dan pengurusan bank
- * Mempunyai sistem komunikasi dan pengangkutan yang baik dan canggih dengan pusat kewangan yang lain
- * Mempunyai tenaga mahir, berpengalaman dan para profesional.

Perniagaan yang dilaksanakan di pusat kewangan luar pesisir antarabangsa berbentuk antarabangsa dan tidak boleh berurusniaga secara langsung dengan penduduk tempatan dan ianya dikendalikan bukan dalam mata wang negara berkenaan. Di Labuan, peraturan ini berkuatkuasa hanya dalam beberapa tahun permulaan tetapi satu peraturan baru yang diperkenalkan pada tahun 1997 dimana kerajaan Malaysia telah membenarkan bank pesisir luar untuk menjual-beli ringgit dan mengenakan kadar faedah keatas baki ringgit yang berada di dalam akaun luar. Selain daripada Labuan, Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa lain yang telah lama wujud dan berjaya ialah seperti Hong Kong, Bahamas, British Virgin Island, Cayman Islands, Cooks Islands dan Bermuda.

Setakat ini terdapat 1657 buah syarikat luar pesisir antarabangsa yang bergiat di Labuan dan ini termasuk 64 buah bank luar pesisir, di mana 17 daripadanya diiktiraf sebagai antara bank yang terkemuka di dunia seperti *Bank of America*, *Industrial Bank of Japan Ltd*, *Banque Nationale De Paris* dan *Dresdner Bank AG*. Jumlah ini amat membanggakan kerana dalam tempoh usia lima tahun sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, Labuan dapat menarik banyak syarikat luar pesisir untuk mendaftar dan beroperasi di Labuan, jika dibandingkan dengan IOFC lain yang memerlukan kewangan luar pesisir antarabangsa.

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN

Aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir yang dilaksanakan dan akan dibangunkan oleh kerajaan di Labuan, boleh dibuat dalam dua kategori. Aktiviti tersebut ialah aktiviti perniagaan luar pesisir (*offshore trading activities*) dan aktiviti bukan perniagaan luar pesisir (*offshore non-trading activities*). Aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir termasuklah pengurusan bank, insurans, perniagaan, pengurusan dan perlesenan dan tidak termasuk operasi perkapalan dan petroleum. Manakala aktiviti bukan perniagaan luar pesisir merangkumi aktiviti -aktiviti

seperti pegangan pelaburan dalam sekuriti, saham, pinjaman, simpanan dan harta tanah yang tidak dialihkan. Syarikat-syarikat luar pesisir yang menjalankan kedua-dua aktiviti, dianggap menjalankan perniagaan luar pesisir. Aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir yang utama di Labuan adalah seperti berikut:-

Perkhidmatan Bank Luar Pesisir

Pada masa kini terdapat 64 buah bank yang bergiat di Labuan dan ianya terdiri daripada cawangan bank-bank di Malaysia dan luar negara. Bank berkenaan menawarkan perkhidmatan akaun simpanan, akaun tetap dan akauan semasa dalam beberapa jenis mata wang asing utama dan faedah yang diperolehi dari simpanan ini tidak dikenakan cukai. Bank luar pesisir ini juga menyediakan kemudahan kredit dalam mata wang asing utama seperti pinjaman dan pendahuluan, pembiayaan perdagangan, pertukaran asing dan pasaran wang. Bank luar pesisir diwajibkan dibawah undang-undang untuk tidak mendedahkan identiti, akaun dan hal-ehwal pelanggan-pelanggan mereka atau keterangan-keterangan yang berkaitan dengan pelanggan-pelanggan.

Syarikat Amanah

Syarikat-syarikat amanah yang beroperasi di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan mempunyai peranan yang penting kerana undang-undang telah memperuntukkan bahawa setiap syarikat amanah untuk melaksanakan kewajiban undang-undang mereka. Perkhidmatan yang ditawarkan bukan untuk penduduk tempatan termasuk pendaftaran dan pertukaran saham, penyediaan perkhidmatan pengurusan dan perakaunan, penyediaan perkhidmatan pentadbir, pengarah, pejabat-pejabat berdaftar, wakil-wakil pengurusan harta tanah dan menyediakan pelaburan serta perkhidmatan pengurusan dana. Syarikat-syarikat amanah yang beroperasi di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan terdiri daripada syarikat amanah tempatan seperti *BBMB International Trust (Labuan) Berhad*, *Public Bank Trust Company Sdn Bhd* dan *Mayban International*.

Trust (L) Bhd. Pegawai-pegawai atau agen-agen syarikat amanah ditegah dari mendedahkan keterangan mengenai kewujudan sebarang amanah, harta atau identiti seseorang pelantik (*appointer*), pewaris (*beneficiary*) atau penyelesai (*settler*) sesuatu harta atau amanah.

Insurans Pesisir Luar

Aktiviti insurans luar pesisir dijalankan oleh syarikat-syarikat pesisir luar atau syarikat luar pesisir atau cawangan syarikat insurans Malaysia. Aktiviti-aktiviti insurans yang dilaksanakan di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan seperti insurans tawanan, insurans risiko asing, insurans semula, pengurusan insurans dan pengurusan penjaminan kerugian. Kesemua aktiviti insurans tersebut boleh dijalankan dalam mata wang asing utama ataupun ringgit.

PEMBANGUNAN LABUAN SEBAGAI PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR

Pembangunan Labuan telah dibuat sebaik sahaja Kerajaan Malaysia mengumumkan untuk menjadikannya sebagai pusat kewangan yang unggul di rantau ini. Sehubungan dengan itu, peruntukan melebihi RM2.5 billion telah diluluskan untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan dan pusat peranginan yang bertaraf dunia. Ini termasuklah Taman Kewangan, kemudahan teleport, terminal baru lapangan terbang, kompleks pejabat kerajaan, padang golf, penempatan penduduk, kondominium dan hotel peranginan.

Kerajaan juga akan menumpukan kepada regulasi dan undang-undang yang berkaitan dengan pasaran luar pesisir bagi memenuhi kehendak pasaran. Kerajaan juga sentiasa mengkaji insentif cukai untuk memudahkan pengurusan dan perancangan cukai yang efektif. Satu badan yang bertanggungjawab untuk memantau segala aktiviti dan operasi industri perkhidmatan kewangan luar pesisir ialah Pihak Berkuasa Perkhidmatan

Kewangan Luar Pesisir Labuan atau dikenali sebagai LOFSA (*The Labuan Offshore Financial Services Authority*). Ia juga berfungsi untuk memproses permohonan bagi menjalankan perniagaan di IOFC terutamanya perbankan luar pesisir, insuran dan insuran semula luar pesisir, unit amanah luar pesisir dan pengurusan dana. Selain dari itu, LOFSA juga bertanggungjawab bagi perkembangan Labuan (IOFC) dan menyelaraskan segala objektif, serta polisi kerajaan dan perkembangan pembangunan di Labuan.

Berbagai usaha telah dibuat untuk menjadikan Labuan sebagai pasaraya kewangan yang canggih, dan lengkap dengan prasarana yang terkini. Ini termasuklah penawaran perkhidmatan kewangan luar pesisir yang pelbagai, unit amanah, pengurusan dana, pegangan pelaburan dan pengurusan perkhidmatan. Pasaran *niche* bagi pusat kewangan di Labuan ialah Instrumen Kewangan Islam Luar Pesisir. Konsep ini merupakan satu ciri unik yang hanya terdapat di Labuan dan tidak ditawarkan oleh pusat kewangan Asia yang lain. Ia juga akan menjadikan Labuan sebagai pusat utama Instrumen Kewangan Islam yang unggul.

Lokasi yang strategik di antara Kawasan Pertumbuhan Asia Timur Brunei-Indonesia-Malaysia- Philipina (BIMP-EAGA), memberikan satu lagi kelebihan kepada Labuan. Dengan adanya pembangunan pelbagai barang dan perkhidmatan kewangan luar pesisir, Labuan boleh memainkan peranan utama didalam pertumbuhan pembiayaan perniagaan dan peluang pelaburan di kawasan BIMP - EAGA.

INSENTIF ATAU TARIKAN PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR

Seperti Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa yang lain, Labuan juga menawarkan beberapa insentif untuk menggalakkan lebih ramai pelabur-pelabur asing dan syarikat-syarikat luar pesisir asing untuk berurus niaga di pulau

berkenaan. Insentif-insentif yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

Cukai ke atas Pendatapan Syarikat Luar Pesisir

Salah satu tarikan utama yang ditawarkan oleh Labuan IOFC ialah insentif cukai. Dibawah Akta Cukai Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perniagaan luar pesisir akan dikenakan cukai pada kadar 3 peratus keatas keuntungan bersih yang telah diauditkan atau membayar pada kadar tetap sebanyak RM200,000 pada tahun penilaian dan ianya bergantung kepada pemilikan syarikat. Sementara syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti bukan perniagaan dikecualikan dari cukai.

Insentif Lain

- Pekerja asing yang bertugas dalam bidang pengurusan dan professional di syarikat luar pesisir di Labuan, dikecualikan dari membayar cukai sebanyak 50 peratus keatas pendapatan kasar mereka
- Pengecualian dari cukai jualan, duti import, duti eksais dan duti eksport kecuali petroleum dan barang petroleum.
- Tiada duti stem keatas alat yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan pesisir luar oleh syarikat luar pesisir.
- Dividen yang diterima atau dibayar oleh syarikat luar pesisir Labuan tidak dikenakan sebarang cukai
- Syarikat luar pesisir yang membayar royalti, faedah, yuran teknikal atau pengurusan kepada bukan penduduk atau kepada syarikat pesisir yang lain, dikecualikan dari membayar cukai tahanan.
- Pekerja asing yang bertugas di syarikat luar pesisir sebagai tenaga mahir atau ahli profesional yang telah mendapat

permit kerja, diberi “*Multiple Entry Visa*” oleh pihak immigresen Malaysia untuk menggalakkan lebih ramai pekerja mahir bertugas di Labuan.

Selain dari insentif-insentif yang tersebut diatas, pelbagai insentif lain juga telah dicadangkan oleh beberapa pihak untuk menggalakkan pertumbuhan Labuan. Salah satu daripadanya ialah cadangan yang dikemukakan oleh Persatuan Bank Luar Pesisir Labuan (PBPLL), iaitu rakyat Malaysia diberi kebenaran menubuhkan satu syarikat luar pesisir bagi tujuan pengurusan dan pegangan pelaburan di luar negara supaya pihak tempatan dapat menikmati faedah yang disediakan di pulau tersebut. Mereka juga mencadangkan penubuhan sebuah Bursa Kewangan Antarabangsa di Labuan.

POTENSI LABUAN SEBAGAI PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA

Pada tahun 1990, apabila Kerajaan Malaysia mengumumkan bahawa Labuan akan dijadikan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, ramai pihak meraguinya memandangkan Labuan pada masa itu ialah sebuah pulau yang ketinggalan dari segi pembangunan.

Banyak yang mempersoalkan tentang potensinya untuk berkembang dan bersaing dengan pusat luar pesisir yang telah lama wujud dan maju. Tetapi dalam tempoh usia yang begitu muda, mereka yang meraguinya dulu kagum dengan pencapaiannya sekarang. Menurut Pengurus Lembaga Pembangunan Labuan (LPL), Tun Daim Zainuddin dalam satu pertemuan khas, bahawa prestasi pembangunan Labuan yang hanya mengambil masa kira-kira tiga tahun amatlah membanggakan kerana biasanya (IOFC) lain mengambil masa lebih kurang 10 tahun untuk berbuat demikian. Ini jelas dengan tempoh masa yang diambil oleh Bahamas, Bermuda, Cayman Islands, Cook Islands, Panama, Isle of Man, Luxembourg, Gilbaraltar dan lain-lain pusat kewangan luar pesisir.

Pada tahun 1992, Labuan hanya mempunyai 43 buah syarikat luar pesisir antarabangsa. Dimana hanya terdapat 10 buah bank pesisir antarabangsa dan hanya 2 buah daripadanya adalah bank yang ditubuhkan di Malaysia. Tetapi dalam tempoh tiga tahun , angka ini telah bertambah ke 586 buah syarikat luar pesisir dan dari 43 bank luar pesisir yang ada di Labuan, 34 buah darinya adalah bank asing luar pesisir.

Ini menunjukkan bahawa Labuan mempunyai potensi yang baik untuk berkembang sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa utama. Pertambahan ini dapat memberikan gambaran bahawa pelabur-pelabur dan syarikat-syarikat asing semakin yakin dengan negara kita dan mereka tidak ragu lagi untuk menyalurkan dana mereka ke negara ini. Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa pertemuannya dengan lebih kurang 400 peserta di London untuk memperkenalkan Labuan (IOFC) kepada pelabur-pelabur British, berkata bahawa asas ekonomi Malaysia senantiasa kukuh dan pelaburan asing akan sentiasa berterusan memasuki Malaysia adalah disebabkan oleh keadaan politik dan dasar kerajaan yang kukuh, stabil serta pulangan pelaburan yang tinggi.

Satu perkembangan yang menarik di Labuan ialah pertumbuhan instrumen kewangan Islam yang begitu pantas. Dengan adanya Akta Industri Sekuriti Luar Pesisir telah menjana perkembangan aktiviti pengurusan dana di Labuan terutamanya dana Islam yang mana telah mula menarik minat ramai pelabur Islam. Usaha LOFSA untuk menawarkan barang Kewangan Islam Luar Pesisir yang berdaya saing ialah dengan memberi penekanan kepada kekuatan dan keupayaan pakar yang sedia ada di Malaysia. Ini jelas terbukti dengan kejayaan Bank Islam Malaysia Berhad, perkhimatan insuran dan instrumen pasaran modal di dalam pasaran domestik (Fuad al-Omar 1996). Sehingga kini, terdapat dua dana Islam yang berdaftar di Labuan

Dengan adanya perkembangan barangang Kewangan Islam yang ditawarkan, satu langkah penting dalam merealisasikan perkara ini ialah penubuhan Bursa Saham Islam di Labuan. Terdapat beberapa langkah yang perlu di titikberatkan oleh Kerajaan iaitu undang-undang yang ketat berkaitan dengan spekulasi dan mengurangkan fungsi bursa saham sebagai pengantara kewangan di anrata pelabur dan usahawan (Saad 1995).

Jadual dibawah seterusnya menunjukkan kemajuan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa., bermula dari tahun ianya ditubuhkan iaitu 1990 sehingga pada 15 November 1997. Daripada jadual berkenaan jelas menunjukkan perkembangan Labuan IOFC yang boleh dibanggakan. Bermula dengan hanya 3 buah bank luar pesisir, tetapi kini telah mempunyai 53 buah bank luar pesisir iaitu 11 buah bank yang ditubuhkan di Malaysia dan 42 buah bank yang ditubuhkan di luar Malaysia.

Jadual : Kemajuan (IOFC) Labuan

Jadual : Kemajuan (IOFC) Labuan

Aktiviti	Jenis perniagaan	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1997
		Luar Pesisir	3	3	5	7	8	11
Bank	Luar Pesisir	-	2	3	14	24	34	53
	Asing	-	-	-	-	-	-	-
Insurans	Luar Pesisir	-	1	1	2	4	4	5
	Asing	-	-	-	-	-	-	20
Insurans Semula	Luar Pesisir	-	-	1	1	1	1	3
	Asing	-	-	-	-	-	-	2
Pengurus Dana	Luar Pesisir	-	-	1	1	1	3	3
	Asing	-	-	-	-	-	-	-
Dagangan & bukan Degangan	Luar Pesisir	-	26	76	183	309	499	1503
	Asing	-	1	3	3	6	8	10
Syt. Amanah	Tempatan	4	8	11	11	11	13	20
	Asing	-	-	-	-	-	-	-
Audit	Syarikat	4	9	10	11	11	11	15
Pembubar	Syarikat	-	-	2	4	4	4	15
JUMLAH		11	50	113	237	382	586	1657

Nota:

1. Luar Pesisir -Syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990
2. Luar Pesisir Asing -Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 tetapi ditubuhkan di luar Malaysia
3. Tempatan -Syarikat yang ditubuhkan di bawah akta Syarikat 1965 dan berdaftar di bawah Akta Syarikat Amanah 1990 sebagai Syarikat Amanah Labuan

Sumber: Lembaga Pembangunan Labuan

Ramai pengalisis bank dan kewangan serta para pengurus dana berpendapat bahawa dengan proses penyerahan Hong Kong kepada China pada tahun 1997, akan menyebabkan para pelabur Hong Kong mencari beberapa tempat untuk menyalur dan menyimpan wang mereka dan Pusat Kewangan Luar pesisir Antarabangsa Labuan tidak terkecuali menjadi salah satu pilihan utama mereka. Ini adalah kerana kedudukan Labuan yang dekat dengan Hong Kong , mempunyai zon masa yang sama dan keadaan ekonomi dan politik negara yang stabil.

Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan mempunyai masa depan yang cerah kerana buat masa masa kini Labuan telah mampu menarik ramai pelabur asing yang selama ini menyalurkan dana mereka ke Singapura dan Hong Kong. Menurut jurucakap Jabatan Hasil Dalam Negeri di Labuan, kadar cukai yang dikenakan di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan adalah yang terendah diantara pusat kewangan luar pesisir yang terdapat di kawasan Asia- Pasifik. Adalah diharapakan Labuan (IOFC) dapat menarik jumlah dana sehingga tahap RM 40 billion kerana dianggarkan lebih RM200 billion disalurkan ke Singapura. Sekiranya separuh atau jumlah yang sama dapat disalurkan ke Labuan (IOFC), ianya akan setanding dengan pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang lain terutama sekali Singapura yang selama ini menjadi tumpuan para pelabur asing.

PENUTUP

Dalam tempoh lima tahun sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, dapat dilihat bahawa Labuan mempunyai potensi untuk maju dan bersaing dengan pusat kewangan luar pesisir yang lain. Keadaan politik Malaysia yang stabil, kedudukan ekonomi yang senantiasa kukuh dan sistem kewangan yang mantap adalah kesemuanya penyumbang kepada kemajuan Labuan (IOFC).

Seperti yang dijelaskan diatas tadi, untuk menjadi sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang berjaya , beberapa prasyarat seperti keadaan politik yang stabil dengan stabil dengan sistem kawalan kewangan yang minima harus ada. Untuk menyokong pertumbuhan Labuan (IOFC), sebuah Taman Kewangan yang bernilai lebih kurang RM350 juta ringgit sedang dibina dan ianya menyediakan blok pejabat setinggi 18 tingkat dijangka siap pada penghujung tahun 1995 dan fasa kedua akan siap pembinaannya pada awal tahun 1996.

Walaupun pada mulanya Labuan tidak mempunyai asas keperluan seperti hotel, sekolah dan hospital yang bertaraf antarabangsa tetapi hasil dari perancangannya yang teratur dan teliti oleh kerajaan Malaysia serta sokongan padu sektor swasta untuk menjadikan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan yang terkemuka di dunia, keperluan infrastruktur tersebut dapat dilaksanakan. Pada masa yang sama industri pelancongan di Pulau Labuan juga dapat dibangunkan seiring dengan kemajuan Labuan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa.

BIBLIOGRAFI

- Al-Harran, S.(1995), *Leading Issues in Islamic Banking and Finance*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, Malaysia.
- Al-Omar, F. & Abdel-Haq, M. K.(1996), *Islamic Banking : Theory, Practice & Challenges*, Oxford University Press, London & New Jersey.
- Bank Negara Malaysia (1993 a), *Guidelines on the Islamic Interbank Money Market*, 8 December.
- Bank Negara Malaysia (1993 b), '*The Development of Islamic Banking in Malaysia*', Annual Report.
- Edmund M.A. Kwaw (1996), *The Law & Practice of Offshore Banking and Finance*, London: The Quorum
- Ismail, A. H. (1992), 'Bank Islam Malaysia Berhad: Principles and Operations', in An Introduction to Islamic Finance, Sheikh G. Sheikh A., S.O.S. Ayil and A. Hj. Ghazali (eds). Quill Publishers, Kuala Lumpur.
- Jalaluddin, A.K.M. (1991) 'The Role of Government in an Islamic Economy', A.S. Noordeen Publishers, Malaysia.
- J.J. Norton, Chia-Jui Cheng & I. Fletcher (eds) (1994), *International Banking Operations and Practices: Current Developments*, London : Graham & Trotman.
- Official speech: "Asian Financial Turmoil and Its Implications - The Malaysia Experience So Far" Oleh Governor Tan Sri Dato' Ali Abul Hassan Sulaiman di Malaysian-Japan Economic Association 21st Joint Conference, Mac 1999.
- Malaysia Labuan IOFC, 'An International Offshore Financial Centre', MIDA, *Quarterly Newsletter*, May - Disember 1996, ISSN No. 0128-7834
- Malaysia Labuan IOFC, 'An International Offshore Financial Centre', MIDA, *Quarterly Newsletter*, Julai - Disember 1995, ISSN No. 0128-7834
- Richard, M. L.(1996) *International Financial Markets: Prices and Policies*, McGraw-Hill International Editions,S'pore.

*Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan:
Fungsi Dan Potensi*

*The Labuan IOFC, isiu pertama 1998, Labuan Offshore
Financial Service Authority, ISSN No. 0128-7834*